

Saudara Baru dan Peranannya dalam Dialog antara Agama

SURAYA SINTANG¹
KHADIJAH MOHD. HAMBALI@KHAMBALI²

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu.

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹surayasin12@gmail.com, ²ijamh@um.edu.my

Abstrak Kertas kerja ini membincangkan peranan saudara baru dalam bidang dialog antara agama di peringkat akar umbi (*interreligious dialogue at the grassroots*). Peranan saudara baru ditonjolkan melalui penglibatan mereka dalam dialog seharian dengan Muslim dan *non-Muslim*. Melalui dialog seharian dengan Muslim inilah, interaksi *interpersonal* dibina sehingga memupuk jalinan perkenalan, hubungan persahabatan dan ikatan persemendaan yang akhirnya mendorong berlakunya konversi kepada Islam. Peranan selanjutnya mengetengahkan pengalaman saudara pada peringkat pascakonversi yang menjelaskan dua dimensi dialog, iaitu dimensi interagama dan dimensi intraagama. Pengalaman ini menonjolkan saudara baru sebagai tali penghubung (*bridge builder*) antara Muslim dan *non-Muslim* dan perantara budaya (*cultural mediator*) bagi menjernihkan kesalahfahaman antara pihak berbeza agama. Daripada pengalaman dua fasa kehidupan inilah, kajian mendapati saudara baru merupakan peserta dialog *non-elit* yang berperanan sebagai perantara hubungan Muslim-*non-Muslim* dan mengetengahkan penglibatan masyarakat awam dalam arena dialog antara agama.

Kata Kunci: Saudara baru, dialog antara agama, dialog seharian, perantara budaya, dialog *non-elit*.

Abstract This paper discusses the roles of New Muslims in the fields of *interreligious dialogue at the grassroots level*. The role can best be described at the early stage of their involvement in daily life interactions with Muslims and non-Muslims. The experience of daily life interactions with Muslim has built the *interpersonal relationship* in the form of acquaintance, friendship and marriage which finally lead to the causal factors of conversion to Islam. The other role is seen in the post-conversion stage in two dimension -

interreligious and intrareligious dialogue. The experience highlights the role of New Muslims as misconceptions among the people of different religious beliefs. This study found that these participants play their roles in bridging the Muslim- Non-Muslim relationship. Their experience provide evidence of the role the general public play in the field of interreligious dialogue at the grassroots level.

Keywords: *New Muslims, interreligious dialogue, daily life interaction, bridge builder, non-elite dialogue participants.*

PENDAHULUAN

Fenomena kehidupan saudara baru memaparkan satu bentuk pengalaman hidup yang unik dan tersendiri dalam menggambarkan dialog antara agama di peringkat masyarakat awam. Hal ini demikian kerana saudara baru disifatkan sebagai peserta dialog *non-elit* yang terlibat dalam dialog seharian dengan Muslim dan *non-Muslim*. Dengan lebih jelas lagi, saudara baru disifatkan sebagai tulang belakang yang berperanan dalam mewujudkan dialog interagama bersama keluarga *non-Muslim* dan dialog intraagama bersama masyarakat Muslim. Esra Ozyurek (2007) menyifatkan saudara baru sebagai, “*a forefront of efforts to establish dialogue between non-Muslims and Muslims*” dan “*they do a tremendous job of bridging the gap*” (<http://www.spiegel.de>). Bertitik tolak daripada premis inilah, penulisan ini menelusuri peranan saudara baru dalam arena dialog antara agama bagi mengetengahkan peranan mereka dalam dialog seharian dan sebagai perantara dalam menjambatani hubungan Muslim-*non-Muslim*.

PENGERTIAN SAUDARA BARU

Saudara baru adalah individu yang terlibat dalam penukaran agama (*religious conversion*) kepada Islam. Dalam konteks undang-undang Malaysia, saudara baru didefinisikan sebagai seseorang yang menukar agama asalnya kepada agama Islam dengan mengucap dua kalimah syahadah di hadapan dua orang saksi yang boleh diterima kesaksiannya (Zuliza, 2001). Jensen (2006) pula menyatakan saudara baru merupakan pelaku agama (*religious actor*) yang tidak dilahirkan sebagai Muslim, dan mereka diterapkan ke dalam tradisi agama yang mereka tidak pernah bersosialisasi dengannya. Atas sebab itulah, saudara baru sering berdepan

dengan permasalahan penyesuaian budaya (*cultural adjustment*) dalam ajaran agama yang baharu dianuti.

Perspektif psikologi agama pula menjelaskan saudara baru yang terlibat dalam konversi agama merupakan individu yang mengalami pemutusan muktamad identiti kepercayaan masa lalu yang berlawanan dengan beberapa aspek yang diyakini benar pada masa kini. Individu ini juga terlibat dalam *reorientation of the soul* atau perpindahan ke alam atau dunia lain. Perpindahan yang dimaksudkan ialah perpindahan dalaman yang bersifat spiritual yang melibatkan keyakinan dan kepercayaan, iaitu hasil berlakunya pertukaran kepercayaan tunjang (*core beliefs*) yang kemudiannya dimanifestasikan dalam bentuk tingkah laku (Zulkiple, 2006; Rambo, 1993).

Bertukar agama adalah satu proses dinamik yang melibatkan pelbagai perubahan. Perspektif psikologi menjelaskan terdapat tiga jenis perubahan yang berlaku, iaitu perubahan tradisi kepercayaan dan amalan keagamaan; perubahan terhadap transformasi pemikiran, perasaan dan tindakan; dan peralihan kepada transedensi agama baru yang menuntut perubahan sudut pandang (*worldview*) (Kose 1996; Osman Chuah & Abdul Salam, 2008). Pendek kata, penukaran agama ataupun konversi agama bukan satu kejadian atau insiden tetapi proses perkembangan secara beransur-ansur yang menuntut perubahan menyeluruh dalam aspek kehidupan.

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, selain daripada dikenali sebagai 'saudara baru', mereka juga dikenali dengan panggilan (gelaran) lain seperti 'saudara kita', 'saudara Muslim' atau 'mualaf.' Istilah ini digunakan bagi menandakan seseorang itu baharu memeluk agama Islam di mana dengan cara ini, gelaran tersebut dapat menggalakkan saudara seislam yang lain meningkatkan tali persaudaraan dan kasih sayang dengan mereka (Mohd. Syukri Yeoh & Osman Chuah, 2003). Dalam sesetengah keadaan, mereka yang memeluk Islam dan bukan berketurunan Melayu walaupun sudah beberapa tahun beragama Islam juga disebut sebagai saudara baru. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan titik perbezaan antara Muslim asal (*born Muslim*) yang dilahirkan secara asalnya Islam dengan saudara baru yang memeluk Islam disebabkan pelbagai faktor. Perbezaan ini menimbulkan permasalahan hubungan sesama agama atau permasalahan integrasi sosial dengan komuniti Muslim.

Kajian awal (Osman Chuah & Abdul Salam, 2008; Zebiri, 2008; Roald, 2004) menunjukkan saudara baru berasa rendah diri (*inferiority complex*) dan terpinggir untuk bercampur gaul dengan komuniti Muslim kerana merasakan mereka lebih *superior* dalam memahami Islam. Sikap rendah diri perlu diketepikan kerana Islam meletakkan pengertian yang begitu positif dalam menjelaskan individu yang terlibat dalam pemelukan Islam melalui istilah mualaf. Dari sudut bahasa, perkataan ‘*mualaf*’ adalah ambilan daripada perkataan bahasa Arab ‘*mu’allaq*,’ iaitu pecahan (*isytiqaq*) daripada ‘*allafah, yu’allifu, ta’lifan*’ yang bermaksud ‘yang diikat, yang dijinak atau yang disatukan’ (Yeoh & Osman Chuah, 2003). Hal ini dinyatakan dalam Surah al-Anfal, 8:63 bermaksud:

“...dan yang mempersatukan hati mereka (orang-orang yang beriman). Walaupun kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka, akan tetapi Allah telah mempersatukan hati mereka. Sesungguhnya dia maha perkasa lagi maha bijaksana.”

Ayat tersebut menjelaskan bahawa mereka yang dipersatukan hati mereka oleh Allah adalah daripada kalangan mereka yang terpilih untuk memeluk Islam. Abdullah Yusuf Ali (1973) seperti yang dinukilkan Yeoh dan Osman Chuah (2003) menggelarkan saudara baru sebagai baharu menerima kebenaran, Islam menjelaskan faktor hidayah (*divine-human encounter*) dalam penerimaan kebenaran sebagai faktor pendorong berlakunya konversi kepada Islam, teori agama yang menekankan peranan Tuhan dalam menjinakkan hati seseorang memeluk Islam (Kose, 1996). Selain faktor hidayah, teori sains sosial turut mencadangkan beberapa faktor sosial dan faktor psikologi yang mempengaruhi proses konversi agama. Teori sains sosial mengkategorikan tiga faktor konversi, iaitu melihat konversi sebagai penyelesaian tekanan (*stress*), konversi sebagai proses sosialisasi dan konversi sebagai interaksi interpersonal. Fenomena sosial inilah yang menonjolkan peranan saudara baru dalam menjambatani hubungan Muslim-non-Muslim sehingga membentuk hubungan tiga serangkai antara Muslim-Saudara baru-non-Muslim.

Dalam kalangan penutur Inggeris Muslim, Jawad (2006) menjelaskan istilah ‘*revert*’ digunakan bagi memberi pengertian kepada individu yang memeluk Islam atas dasar seorang Muslim itu kembali semula kepada keadaan semula jadi dirinya dilahirkan dan menyerahkan diri sepenuhnya

kepada Tuhan. Jawad berpendapat istilah *revert* lebih sesuai digunakan bagi menggelarkan diri seseorang yang baharu memeluk Islam kerana mereka kembali semula kepada fitrah kejadian mereka yang suci bersih. Bagi Zebiri (2008), istilah lain yang lazim digunakan oleh pengkaji Muslim Barat ialah '*New Muslim*.'

Roald (2004) pula menjelaskan dalam kalangan penutur Arab Muslim, mereka lazimnya menggunakan beberapa istilah bagi menunjukkan seseorang itu telah memeluk Islam kerana keyakinan dalaman dan bukan disebabkan oleh faktor lain. Misalnya, istilah yang melambangkan proses menjadi seorang Muslim (*becoming Muslim*). Istilah konversi tidak terdapat dalam bahasa Arab selain menjadi Muslim, iaitu menyerah diri kepada Allah yang sama ertinya dengan makna Islam yang diambil daripada perkataan bahasa Arab '*aslama*' (Jawad, 2006; Roald, 2004).

Menurut Ibnu Manzur (1999) perkataan '*aslama* berasal daripada perkataan *s-l-m* yang bermaksud 'menyerah diri' atau tunduk dan patuh kepada kehendak Tuhan. Perkataan *aslama* ini juga melahirkan istilah *al-Islamu bi al-lisan wa al-Imanu bi al-Qalb*, yakni menyerah diri dengan lidah dan yakin dengan hati. Konsep penyerahan ini merujuk kepada penyerahan sepenuhnya kepada Allah SWT yang ditunjukkan melalui contoh teladan para rasul bermula daripada Nabi Noh a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Musa a.s sehingga Nabi Muhammad SAW. Istilah bahasa Arab yang lain ialah '*i'taniqua*' yang berasal daripada perkataan *n-q* yang bermaksud 'memeluk agama' (*embrace a religion*). Istilah lain ialah '*iqtan'a*' dari perkataan *q-n* bermaksud 'berpuas hati atau redha.' Yakni, berpuas hati dan berasa rela hati dalam menerima sesuatu agama.

Apa pun istilah yang digunakan, istilah tersebut bertujuan membezakan antara mereka yang memeluk Islam kerana faktor penukaran agama dengan mereka yang dilahirkan daripada ibu bapa yang telah sedia beragama Islam. Perbezaan istilah tidak memberi implikasi kepada perbezaan dari segi tuntutan pelaksanaan kewajipan agama (*religious obligations*) dan batas peraturan agama (*religious boundaries*) yang perlu dipatuhi oleh seorang Muslim. Kehadiran istilah yang pelbagai dengan perbincangan yang begitu rinci dalam memahami pengertian saudara baru semakin menarik apabila kajian ini mendapati saudara baru merupakan peserta dialog *non-elit* yang terlibat dalam arena dialog antara agama.

SAUDARA BARU SEBAGAI PESERTA *NON-ELIT* DALAM ARENA DIALOG ANTARA AGAMA

Dialog antara agama sering difahami sebagai program formal yang melibatkan diskusi ilmiah, forum dan seminar dalam kalangan sarjana dan tokoh agama yang membahaskan persamaan dan perbezaan antara agama dan perkongsian nilai-nilai universal sebagai jaminan keselamatan dan perdamaian manusia sejagat. Namun begitu, dialog antara agama juga berlangsung secara informal melalui interaksi seharian yang melibatkan hubungan antara agama dan sesama agama di peringkat masyarakat awam. Interaksi bermula daripada pertemuan dan tinggal bersama sehingga memupuk jalinan perkenalan dan keakraban antara pihak beraneka agama.

Swidler (2003) menyatakan konsep dialog antara agama tidak hanya terbatas kepada wakil-wakil agama yang sememangnya ahli dalam sesuatu bidang tetapi turut melibatkan semua peringkat dan lapisan masyarakat. Hanya melalui pendekatan ini, idealisme dialog dapat dikembangkan kerana wujud rasa kesedaran untuk memahami dan belajar daripada pihak lain. Usul yang sama turut diketengahkan Martinez (2008) yang menyatakan rakyat Malaysia perlu digalakkan untuk menyuburkan budaya dialog dengan memecahkan tanggapan bahawa dialog antara agama hanya melibatkan mereka yang pakar dalam bidang agama. Dialog dalam kalangan peserta elit sememangnya bersesuaian sekiranya melibatkan isu-isu teologi yang memerlukan kemahiran dan penelitian mendalam. Namun dalam perkara yang melibatkan interaksi seharian yang berlangsung secara informal, masyarakat awam perlu diberi kesedaran bahawa mereka sebenarnya mempunyai kemampuan dan pengalaman tersendiri dalam arena dialog antara agama.

Kehidupan saudara baru memaparkan pengalaman dialog antara agama yang berlangsung melalui interaksi seharian antara Muslim-*non-Muslim*. Penglibatan saudara baru dalam arena dialog antara agama ini berbeza daripada peranan golongan elit dari kalangan tokoh-tokoh dan sarjana agama. Lazimnya, dialog antara agama yang melibatkan golongan elit adalah dialog dalam bentuk berstruktur yang diadakan melalui perbincangan meja bulat dengan agenda yang telah ditetapkan. Ghazali

(2005) menjelaskan dialog ini melibatkan wacana ilmu yang menonjolkan kredibiliti, kesediaan dan keupayaan untuk memberi respons terhadap perkara-perkara berbangkit yang menyangkut kepentingan setiap kelompok beragama. Ugwoji (2008) pula menjelaskan dialog antara agama ini juga dikenali sebagai '*academic dialogue*', iaitu platform bagi menyuarakan rasa penghargaan kepada setiap tradisi agama dan bermatlamat menjernihkan salah faham serta menegakkan kebenaran. Topik perbincangan tidak hanya dikhususkan kepada persoalan teologi tetapi turut merangkumi persoalan yang berkaitan dengan kemelut dan masalah sejagat yang dikupas dan dibincangkan mengikut perspektif agama masing-masing.

Sebaliknya, dialog antara agama yang melibatkan golongan *non-elit* adalah dialog yang bersifat seharian atau lazimnya diistilahkan sebagai 'dialog kehidupan' yang mengetengahkan ciri berbeza daripada dialog berstruktur. Dialog ini berlangsung secara spontan, tanpa dibatasi ruang waktu dan tempat serta melibatkan pelbagai pihak dari kalangan masyarakat awam. Dengan kata lain, dialog ini berlangsung dalam situasi tidak formal. Para peserta dialog bebas mengeluarkan pendapat masing-masing dan perbincangan tidak terikat dengan subjek atau agenda tertentu yang bersifat berstruktur. Dialog ini juga lebih menekankan matlamat mewujudkan hubungan persahabatan ataupun hubungan intim di antara pihak yang beraneka agama.

Pengalaman dialog seharian ini begitu menyerlah dalam kehidupan saudara baru yang merupakan salah satu anggota masyarakat awam daripada kalangan *non-elit*. Saudara baru adalah anggota masyarakat awam yang mengalami proses penukaran agama kepada Islam dan disifatkan sebagai golongan yang masih baharu mengenali dan mempelajari Islam. Mereka juga baharu memisahkan diri daripada 'cara hidup lama' yang masih memerlukan sokongan daripada komuniti dahulu dan komuniti yang baharu dianggotai. Malah, mereka adalah 'pencari kebenaran' yang memerlukan bimbingan dan kerjasama daripada kedua-dua pihak, iaitu Muslim dan *non-Muslim*. Fenomena kehidupan saudara baru yang berada di antara dua pihak menunjukkan saudara baru berperanan penting dalam arena dialog antara agama mengikut dimensi dialog yang tersendiri.

DIMENSI DIALOG DALAM KONTEKS KEHIDUPAN SAUDARA BARU

Dialog dalam konteks kehidupan saudara baru tidak hanya melibatkan dimensi dialog yang berkaitan dengan isu kekeluargaan tetapi juga berkait rapat dengan persoalan agama dan budaya. Pertama, dimensi dialog yang membincangkan subjek tentang masalah peraturan agama (*religious boundaries*), iaitu persempadanan yang membatasi hubungan antara pihak berbeza agama (Zebiri, 2008; Osman Chuah & Abdul Salam, 2008). Misalnya, rutin seharian yang lazimnya dikongsi bersama keluarga, kini dibatasi dengan persoalan hukum Islam (Kose 1996; Amway, 2002; Osman Chuah, 2002; Mohd. Syukri Yeoh & Osman Chuah, 2003). Kedua, subjek dialog yang melibatkan isu tuntutan kewajipan agama (*religious obligations*), iaitu garis panduan yang menetapkan kewajipan dalam pelaksanaan agama ke atas individu yang bergelar Muslim seperti pelaksanaan ibadah solat, puasa dan sebagainya (Zebiri, 2008; Osman Chuah & Abdul Salam, 2008). Ketiga, subjek dialog yang mengetengahkan penyesuaian budaya (*cultural adjustment*) yang perlu dilalui oleh seseorang yang bertukar agama seperti dalam situasi tinggal sebumbung, makan bersama dan menghadiri upacara adat (Osman Chuah & Abdul Salam, 2008; Mohammad Nidzam, 2009).

Di samping itu, dimensi dialog dalam konteks kehidupan saudara baru turut merungkai beberapa permasalahan yang berkaitan dengan permasalahan keagamaan dan kekeluargaan. Pada kelazimannya, saudara baru berdepan dengan masalah tentangan keluarga, perubahan cara hidup mengikut garis panduan Islam, dilema perubahan identiti diri, terikat dengan persoalan '*do's and don't's*', masalah integrasi sosial dengan komuniti Muslim dan adaptasi budaya dalam menjalankan rutin seharian sebagai Muslim (Kose, 1996; Amway 2002; Osman Chuah, 2002; Mohd. Syukri & Osman Chuah, 2003; Roald, 2004; Nieuwkerk (ed.) 2006; Osman Chuah & Abdul Salam, 2008). Permasalahan dalam hubungan keluarga yang berbeza agama adalah berpunca daripada perbezaan pendapat yang didorong atas sebab perbezaan agama serta permasalahan yang memerlukan persefahaman dan toleransi yang tinggi pada perkara yang tidak dapat disepakati. Atas dasar permasalahan inilah, dialog diperlukan untuk merungkai punca masalah. Permasalahan bukan sahaja wujud dalam lingkungan keluarga berbeza agama tetapi juga permasalahan hubungan sesama agama. Justeru, dimensi

dialog dalam konteks kehidupan saudara baru tidak hanya menonjolkan dimensi dialog interagama tetapi juga dimensi dialog intraagama. Melalui dimensi inilah, dialog berupaya untuk berfungsi sebagai mekanisme perdamaian antara pihak berbeza agama.

Permasalahan kekeluargaan saudara baru yang sering berlaku di Malaysia memaparkan penentuan agama bagi anak di bawah tanggungan sekiranya salah seorang ibu atau bapa sahaja memeluk Islam sering menimbulkan pertikaian antara kedua-dua pihak atau pasangan yang kini berbeza agama. Mengikut sistem undang-undang Islam di Malaysia, Nuraisyah Chua Abdullah (2004) menyatakan seseorang anak akan menjadi Muslim jika ibu bapanya sememangnya Muslim dan perkara yang sama diaplikasikan bagi ibu bapa yang memeluk Islam di mana anak yang masih di bawah tanggungannya adalah juga beragama Islam. Atas dasar itulah, penukaran agama kepada Islam sering menimbulkan kontroversi ataupun perasaan tidak puas hati daripada mana-mana pihak yang tidak bersetuju pemberian hak penjagaan anak ke atas ibu atau bapa yang memeluk Islam. Oleh itu, bagi mengelakkan permasalahan ini berlarutan sehingga boleh menjejaskan hubungan antara agama, metode dialog bersemuka dan prinsip dialog berhikmah diperlukan agar permasalahan peribadi yang dihadapi di peringkat keluarga diselesaikan sesama ahli keluarga dan tidak dimanipulasi oleh pihak tertentu sehingga boleh menjejaskan keharmonian hidup bersama.

Kajian turut menunjukkan individu yang terlibat dalam konversi agama sering tidak dialu-alukan. Dalam kalangan komuniti agama asal, mereka dianggap sebagai pembelot atau '*defector*'. Sementara dalam kalangan komuniti agama baharu mereka dilabel sebagai penganut agama palsu atau '*pseudo-religionists*. Salah satu faktor penyumbang kepada gejala ini berlaku kerana sikap prejudis yang telah tertanam sekian lama dalam masyarakat (*deep-rooted prejudice*) (Sebastian & Parameswaran, 2007). Keadaan ini menjadikan penganut agama baharu merasa terpinggir sama ada daripada kelompok komuniti asal mahupun komuniti baharu. Justeru, dialog diperlukan bagi menjambatani hubungan antara kedua belah pihak agar *new converts* boleh menjelaskan sebarang prasangka dan salah faham masyarakat.

Amalan berdialog adalah satu aktiviti yang sihat kerana sebarang kemusykilan, kesangsian dan salah faham di antara pelbagai masyarakat yang tinggal bersama dapat diperjelaskan secara terus atau secara bersemuka (*face-to-face*), tanpa dimomok atau dicampuradukkan dengan anasir-anasir luar. Kesukaran untuk membezakan antara dasar agama dengan perlakuan penganut yang kurang faham tentang agama adalah antara bentuk salah faham yang menular dalam hubungan umat beragama di Malaysia. Kefahaman agama yang tidak dibentuk dengan asas yang benar, jitu dan tepat, kadangkala boleh menimbulkan sikap prejudis, prasangka, kesangsian, kebimbangan dan kekeliruan sehingga mengakibatkan konflik dan perasaan tidak puas hati yang berterusan. Tentunya dalam keadaan ini, dialog yang melibatkan interaksi dua hala, memupuk sikap kenal mengenali dan membangkitkan semangat untuk mengetahui dan belajar daripada pihak lain (Swidler, 2003; Azizan, 2005), dilihat satu pendekatan yang praktikal bagi menjana persefahaman antara umat beragama.

Namun begitu, penglibatan golongan elit semata-mata dalam arena dialog tidak memadai tanpa turut membabitkan masyarakat awam di peringkat akar umbi yang mempunyai isu dan permasalahan tersendiri. Atas dasar itulah, kajian ini mengetengahkan saudara baru sebagai peserta dialog *non-elit* kerana keupayaan mereka memaparkan pengalaman dialog seharian dan mengetengahkan permasalahan kekeluargaan dan keagamaan yang mereka hadapi bersama pihak beraneka agama. Dalam mendepani permasalahan seharian inilah, peranan saudara baru begitu signifikan bagi menggambarkan penglibatan mereka dalam arena dialog antara agama.

PERANAN SAUDARA BARU DALAM ARENA DIALOG ANTARA AGAMA

Peranan awal saudara baru dalam arena dialog antara agama dapat dilihat dalam dua fasa kehidupan, iaitu fasa kehidupan prakonversi dan pascakonversi. Teori sains sosial (seperti yang dinyatakan sebelum ini) menjelaskan proses sosialisasi dan interaksi interpersonal merupakan faktor utama yang mendorong berlakunya konversi agama kepada Islam. Melalui proses inilah, dialog seharian berlangsung antara saudara baru dengan Muslim yang akhirnya memupuk jalinan perkenalan dan hubungan akrab antara pihak berbeza agama. Dialog seharian ini merupakan faktor konversi relational (*relational factors*) (Allevi, 2006), iaitu penukaran agama

dipengaruhi atau didorong oleh faktor perkahwinan, persahabatan dan persaudaraan. Faktor konversi kedua ialah faktor rasional (*rational factors*), iaitu saudara baru yang memeluk Islam berdasarkan kajian, pengamatan, pemerhatian dan pengalaman mistikal.

Namun begitu, sebelum timbul faktor konversi rasional, pertemuan dan jalinan hubungan dengan Muslim dikatakan sudah sedia berlaku (Zulkiple, 2006). Justeru, dialog seharian bersama Muslim yang bermula daripada pertemuan sehingga membentuk jalinan perkenalan dalam pelbagai ruang interaksi merupakan fenomena sosial yang membentuk konversi kepada Islam. Situasi inilah yang menggambarkan peranan awal saudara baru dalam arena dialog antara agama apabila dialog seharian yang dibina daripada pertemuan (*encountering the other*) dan tinggal bersama (*living together*) berlangsung antara pihak yang berbeza agama.

Pertemuan dengan Muslim (*encountering the Muslim*) merupakan titik awal kepada perubahan hidup saudara baru yang bertukar agama kepada Islam. Fenomena ini dibuktikan melalui beberapa kajian konversi kepada Islam seperti kajian Ali Kose (1996) menyatakan 66 peratus saudara baru (*Muslim converts*) di Britain memeluk Islam kerana mempunyai hubungan persahabatan dengan Muslim yang memberi kesan timbulnya minat untuk mempelajari Islam sehingga mendorong ikatan hubungan yang lebih mesra dan intim dengan Muslim. Kajian Nieuwkerk (2006) ke atas saudara baru di Netherland turut menyatakan faktor konversi yang paling berpengaruh ialah wujud pertemuan dengan Muslim.

Sementara itu, kajian Osman Chuah (2002) ke atas saudara baru Cina di Selangor (Malaysia) mendapati 35 peratus saudara baru memeluk Islam didorong oleh faktor pembacaan buku-buku agama dan 19 peratus disebabkan pengaruh rakan. Walaupun faktor pembacaan menyumbang kepada faktor konversi tertinggi, kecenderungan minat membaca ini bermula setelah wujud interaksi dengan Muslim. Osman Chuah (2001: 170) menyatakan:

Conversion due to reading Islamic books also means that there were certain level of interactions between the Chinese Muslim converts and the Muslim booksellers or the religious departments or Islamic religious organizations prior to conversion as the books are available either from the booksellers or religious departments or Islamic organizations.

Perkaitan antara dialog dan konversi agama begitu jelas menggambarkan pengalaman saudara baru dalam kehidupan seharian bersama Muslim, sama ada saudara baru di luar negara mahupun di Malaysia. Elemen pertemuan dan interaksi adalah titik persamaan yang menghubungkan antara konsep konversi agama dengan dialog. Pengalaman saudara baru menggambarkan peranan mereka dalam arena dialog antara agama di peringkat akar umbi yang melibatkan peserta dialog *non-elit*. Situasi ini mudah berlaku kerana ruang interaksi yang luas tanpa batas waktu dan tempat serta penjonjolan amalan hidup beragama yang berbeza dan dirasakan suatu pengalaman unik dan tersendiri. Keadaan ini tentunya tidak sahaja memaparkan dialog yang bersifat minda tetapi juga dialog yang menyentuh hati dan perasaan kerana dialog yang dilalui peserta *non-elit* adalah dialog bersemuka yang berlangsung lebih kerap dan lebih luas.

Selain daripada pengalaman prakonversi, saudara baru juga melalui satu lagi pengalaman yang dinamakan pascakonversi. Pengalaman pascakonversi merupakan proses konversi yang menggambarkan realiti kehidupan sebenar saudara baru sebagai seorang Muslim. Pada peringkat ini, Zebiri (2008) menjelaskan *new Muslim* mengalami ‘*double marginality*’, iaitu terpinggir antara dua keadaan yang melibatkan hubungan saudara baru dengan keluarga *non-Muslim* dan hubungan saudara baru dengan komuniti Muslim. Pengalaman pascakonversi menjelaskan dua dimensi dialog, iaitu dimensi interagama dan dimensi intraagama yang membentuk pola hubungan antara saudara baru dengan Muslim dan saudara baru dengan *non-Muslim*. Daripada pengalaman dua fasa kehidupan inilah, kajian mendapati saudara baru merupakan golongan *non-elit* dari kalangan masyarakat awam yang berperanan penting dalam arena dialog antara agama di peringkat akar umbi.

Peranan saudara baru dalam arena dialog antara agama pada peringkat pascakonversi dapat dilihat melalui pengalaman mereka mendepani permasalahan tersebut. Saudara baru berdepan dengan permasalahan dalaman yang berkaitan dengan isu kekeluargaan dan juga permasalahan semasa yang melibatkan isu keagamaan dan kemasyarakatan. Permasalahan ini tidak hanya berpunca daripada permasalahan dalaman atau permasalahan peribadi, tetapi juga permasalahan yang boleh mengakibatkan konflik dan menggugat keharmonian masyarakat beraneka agama. Bahkan, sekiranya diabaikan akan menambahkan lagi sentimen antara agama sehingga boleh menjejaskan perpaduan dan integrasi nasional.

Sesungguhnya, peranan saudara baru dalam arena dialog antara agama di peringkat akar umbi menonjolkan peranan mereka dalam beberapa aspek. Pertama, saudara baru memainkan peranan penting sebagai tali penghubung antara Muslim dan *non-Muslim*. Smith (2007: 56-67) menyatakan;

“A significant number of women who are involved in dialogue are converts to Islam. ... one convert to Islam reports that she is often asked to participate in such sessions because she can speak the language of Christians as well as explain Islam.”

Zebiri (2008) pula menjelaskan peranan saudara baru sebagai ‘*bridge builder*’, yakni saudara baru sebagai pembina jambatan dalam menjelaskan Islam kepada *non-Muslim* dan menerangkan budaya hidup masyarakat Barat kepada Muslim. Zebiri turut menjelaskan saudara baru mempunyai potensi yang unik sebagai ‘*cultural mediators*’ (perantara budaya) bagi mengecilkan jurang perbezaan antara Islam dan Barat.

Situasi yang sama boleh diaplikasikan dalam konteks saudara baru di Malaysia. Peranan saudara baru begitu penting bagi merapatkan jurang budaya antara bumiputera dan *non-bumiputera* dan menjelaskan persamaan dan perbezaan agama dalam hubungan Muslim-*non-Muslim*. Umpamanya, melalui proses kahwin campur, ia tidak hanya membentuk keluarga yang bersifat majmuk agama tetapi juga perkongsian budaya antara pihak yang dipisahkan daripada perbezaan agama. Melalui perkongsian budaya yang dibina daripada pengalaman tinggal bersama antara keluarga berbeza agama, pihak keluarga *non-Muslim* akan memperoleh pendedahan tentang Islam secara lebih nyata (praktikal) yang tidak terhad hanya pada musim perayaan semata-mata. Dialog seharian yang berlangsung secara bersemuka dalam keluarga saudara baru yang bersifat majmuk agama merupakan saluran kepada penyampaian mesej Islam secara lebih praktikal dan nyata. Amalan dialog yang berlangsung secara komunikasi *non-verbal* ini diharap berupaya menjernihkan salah tanggapan terhadap Islam, memulihkan imej negatif terhadap Islam dan mampu membezakan antara ajaran Islam dengan sikap Muslim.

Kedua, pengalaman dialog yang dilalui saudara baru juga memaparkan peranan berbeza daripada Muslim asal dan *non-Muslim* yang tidak terlibat dalam proses konversi agama. Pengalaman ini juga membezakan saudara baru daripada kedua-dua pihak tersebut dalam perkara yang melibatkan isu perbincangan tentang hubungan antara agama. Kedua-dua pihak mempunyai isu yang terhad kerana tidak melibatkan perbezaan agama dengan keluarga

asal dan ruang interaksi juga agak terbatas. Sebaliknya, isu dan permasalahan hubungan antara agama yang dihadapi saudara baru bersifat lebih rencam sama ada permasalahan interagama mahupun intraagama.

Melalui dialog interagama, beberapa isu hubungan antara agama dapat dikenal pasti seperti masalah salah tanggapan terhadap Islam, kekaburan dalam memahami konsep sebenar Islam, kebimbangan terhadap perubahan hidup yang dibatasi dengan peraturan dan kewajipan Islam serta kekeliruan dalam membezakan antara dasar Islam dengan perlakuan Muslim yang masih tercari-cari hakikat keislamannya. Kerencaman masalah saudara baru turut melibatkan hubungan intraagama apabila ramai daripada kalangan saudara baru yang agak sukar beradaptasi dengan cara hidup Islam dan budaya masyarakat Muslim yang diwarisi daripada adat resam tertentu. Situasi ini memperkukuhkan lagi peranan saudara baru sememangnya signifikan dalam menggambarkan dialog antara agama yang melibatkan isu dan permasalahan di peringkat akar umbi.

Ketiga, permasalahan kekeluargaan dan keagamaan yang dihadapi oleh saudara baru merupakan antara isu sensitif yang sering menimbulkan ketegangan dalam hubungan antara agama di Malaysia. Menurut Norizan Abdul Ghani (2009), isu-isu sensitif tidak hanya memerlukan penyelesaian secara ber hikmah tetapi juga memerlukan dialog dilaksanakan di peringkat komuniti agar semua pihak faham dan dapat menangani isu-isu sebegini secara rasional. Kerjasama sesama individu dan komuniti melangkaui sempadan agama amat diperlukan kerana isu-isu kontemporari yang berkaitan dengan agama dan etnik semakin mencabar sehingga menguji keampuhan perpaduan yang dibina selama ini.

Sememangnya isu penukaran agama kepada Islam dalam konteks Malaysia tidak hanya menuntut penyelesaian antara anggota keluarga semata-mata. Sebaliknya, isu ini juga cuba ditangani melalui dialog berstruktur yang dihadiri pakar-pakar agama. Permasalahan saudara baru yang sering menimbulkan pertikaian antara Muslim-*non-Muslim* di Malaysia adalah permasalahan yang timbul apabila pemeluk Islam berlaku selepas terbentuknya perkahwinan yang dibina melalui undang-undang sivil. Chandra Muzaffar (2010) menyatakan persepakatan antara kedua belah pihak tidak dapat dicapai kerana keengganan mereka mengambil jalan tengah (*middle roaders*). Pihak Muslim bertegas pada hukum syariah yang

tidak lagi mengkehendaki saudara baru melaksanakan kewajiban mereka di bawah undang-undang perkahwinan sivil. Sebaliknya, sikap prejudis (kebimbangan) *non-Muslim* pula menghalang penyelesaian masalah yang melihat pemeluk Islam sebagai cabaran yang mengancam agama tradisi keluarga turun-temurun.

Perkara ini menjelaskan perlunya amalan toleransi bagi menangani permasalahan yang tidak dapat disepakati bersama. Dalam hal ini, proses pembudayaan dialog di peringkat akar umbi dilihat berupaya membentuk semangat toleransi antara masyarakat berbeza agama. Melalui semangat toleransi, masyarakat pada kelazimannya lebih cenderung mengambil pendekatan jalan tengah dan bertindak secara rasional berbanding menyelesaikan masalah melalui tindakan emosional dan perbicaraan mahkamah. Penyelesaian masalah melalui pendekatan dialog begitu mendesak kerana kehidupan bersama keluarga majmuk agama memerlukan toleransi yang tinggi pada perkara yang berkaitan dengan batas peraturan agama (*religious boundaries*) dan tuntutan kewajiban agama (*religious obligations*). Situasi inilah yang menunjukkan peranan saudara baru sebagai perantara atau orang tengah dalam membudayakan dialog antara agama agar dialog dapat berfungsi sebagai metode perdamaian (*a method of reconciliation*) bagi meleraikan permasalahan yang berlaku di peringkat akar umbi.

KESIMPULAN

Saudara baru tidak hanya boleh difahami dengan pelbagai gelaran ataupun istilah, malah saudara baru merupakan peserta dialog *non-elit* yang berupaya memainkan peranan penting dalam arena dialog antara agama. Penglibatan saudara baru sebagai peserta dialog *non-elit* memaparkan dialog berlangsung melalui interaksi seharian yang melibatkan komunikasi secara spontan tanpa dibatasi ruang waktu dan tempat. Peranan saudara baru dalam arena dialog antara agama melibatkan dua fasa kehidupan, iaitu prakonversi dan pascakonversi. Kajian menunjukkan interaksi interpersonal yang berlangsung secara dialog seharian berupaya memupuk jalinan perkenalan, hubungan persahabatan dan ikatan persemendaan yang akhirnya mendorong konversi agama kepada Islam. Peringkat pascakonversi pula menonjolkan peranan saudara baru sebagai *bridge builder* dan *cultural mediator* sehingga membolehkan dialog berfungsi sebagai metode perdamaian (*a method of reconciliation*) sama ada antara pihak berbeza agama mahupun sesama agama.

RUJUKAN

- Allevi, S. 2006. Shifting significance of the halal/haram frontier: Narratives on the hijab and other issues. In K.V. Nieuwkerk (ed.), *Women Embracing Islam* (pp. 120-152). Austin: University of Texas Press.
- Azizan Baharuddin. 2005. Dialog Peradaban: Perspektif global dan lokal. Dlm. Azizan Baharuddin, Mohamad Khairudin Mohamad, Faridah Noor Mohd. Noor, Ahmad Syahir Sarani (eds.). *Dialog Peradaban: Peranan dan kepentingannya di Malaysia* (pp.16-20). Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND) dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Chandra Muzaffar. 2010. *Exploring Religion in Our Time*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Esra Ozyurek. "German Converts to Islam are an Asset, Not a Threat", <http://www.spiegel.de/international>, diakses pada 14 Julai 2009.
- Ghazali Basri. 2005. Pengalaman lalu, Cabaran semasa dan Prospek. *Siri Monograf No. 9 Dialog Antara Agama di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban dan Akademi Kajian Ketamadunan.
- Ibn Manzur. 1999. *Lisan al-Arab*. Jilid 4, 6 & 11. Beirut: Dar-Sadr.
- Jawad, H. 2006. Female Conversion to Islam: The Sufi Paradigm. In K. V. Nieuwkerk (ed.), *Women Embracing Islam* (pp.153-171). Austin: University of Texas Press.
- Kose, Ali. 1996. *Conversion to Islam: A Study of Native British Converts*. London: Kegan Paul International.
- Martinez, P. 2008. A case-study of Malaysia: Muslim-Christian dialogue and partnership, possibilities and problems with suggestions for the future. In T. W. Simon & Azizan Baharuddin (ed.). *Dialogue of Civilizations and the Construction of Peace* (pp. 111-141). Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2009. *Fiqh Berinteraksi dengan Non-Muslim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Mohd. Syukri Yeoh Abdullah & Osman Chuah, H. L. 2003. The Problems of Mu'allaf in Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 24, 65-84.
- Nieuwkerk, K. V. (ed.). 2006. *Women Embracing Islam: Gender and Conversion in the West*. Austin: University of Texas Press.
- Norizan Abdul Ghani. 2009. Pengukuhan pengajian dialog peradaban sebagai program akademik di Institut Pengajian Tinggi: Satu Pandangan Awal. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Peranan Rangkaian Dialog Peradaban Menjayakan Gagasan Satu Malaysia*, 22 Disember, di Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nuraisyah Chua Abdullah. 2004. *Conversion to Islam: Effect on Status of Marriages and Ancillary Reliefs*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

- Osman Chuah. 2002. *Chinese Muslim in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Osman Chuah H. L. & Abdul Salam Muhamad Shukri. 2008. *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Osman Chuah, H. L. 2001. *Chinese Muslim in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Rambo, L. 1993. *Understanding Religious Conversion*. New Haven: Yale University Press.
- Road, A. S. 2004. *New Muslims in the European Context: The Experience of Scandinavian Converts*. Netherlands: Koninklijke Brill NV.
- Sebastian, R. & Ashvin Parameswaran. 2007. Conversion and family: Chinese Hare Krishnas. *Journal of Contemporary Religion*, 22(3), 341-359.
- Smith, J. I. 2007. *Muslims, Christians and the Challenges of Interfaith Dialogue*. New York: Oxford University Press.
- Swidler, L. 2003. Dialog in Malaysia and the Global Scenario. *Siri Monograf Pusat Dialog Peradaban*. No. 1. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Ugwoji, M.C. 2008. Interreligious relations and solidarity: Contextualization the Vision of Francis Cardinal Arinze for religious education in Nigeria. Unpublished Tesis PhD (ProQuest), University of Fordam, New York.
- Zebiri, K. 2008. *British Muslim Converts: Choosing Alternative Lives*. England: Oneworld Publications.
- Zuliza Mohd. Kusrin. 2001. Pendaftaran Memeluk Agama Islam di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 22, 13-24.
- Zulkiple Abdul Ghani. 2006. Konversi Agama: Memahami Psikologi dan Komunikasi Berkesan kepada Saudara Baru. Dlm. Fariza Mohd. Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek & Othman Hj. Talib (eds.), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia* (pp. 72-82). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.